

Sejajar perkembangan pesat teknologi, cabaran global

# PM: Undang-undang lapuk perlu dihapus

**PETALING JAYA:** Undang-undang lapuk perlu dihapuskan kerana ia tidak boleh menangani banyak cabaran baharu yang muncul ketika ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia harus membuat perubahan itu sejajar dengan perkembangan pantas teknologi dan cabaran global dunia masa kini.

Katanya, kemajuan pesat teknologi hari ini menuntut kerajaan memupuk peluang-peluang besar dalam kerjasama antarabangsa bagi menghadapi cabaran-cabaran baharu. "Kita ambil semua undang-undang terkini yang sejajar dengan perkembangan global dan menyesuaikan dengan sewajarnya. Mujur kerajaan mempunyai

sokongan majoriti dua pertiga di parlimen. Itu sangat membantu. "Rakyat akan melihat pelbagai perkara yang perlu kita lakukan untuk memberi makna kepada kerjasama yang berkesan dan dasar yang jelas serta pelaksanaan pantas," katanya. Beliau berkata demikian pada sesi taklimat media pada Sidang Kemuncak Tahunan Forum

Ekonomi Dunia (WEF) 2025, Davos, Switzerland. Sebelum ini, Anwar pernah menyuarakan agar semakan semula undang-undang dibuat bagi mengelakkan implikasi buruk kepada negara. Ia selepas membabitkan kes tanah Semantan Estate di Jalan Duta.

Bersambung di muka 2



### Taklimat media

ANWAR Ibrahim bercakap pada sesi taklimat media pada Sidang Kemuncak Tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2025 di Davos, Switzerland, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

# PM: Undang-undang lapuk perlu dihapus

Dari muka 1

Susulan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said mengakui bahawa terdapat lebih 3,000 undang-undang lapuk yang didapati sudah tidak lagi relevan dengan keadaan semasa.

Katanya, sebahagian besar undang-undang lapuk itu digubal sebelum era kemerdekaan pada 1940-an yang ada langsung tidak lagi boleh dipakai.

Justeru ujarinya, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) akan menyenaraikan kesemua akta lama tersebut untuk dinilai Kabinet kerana ia merentasi pelbagai agensi, kerajaan Pusat, negeri dan tempatan.

"Ada masih relevan tetapi pada saya, tanggungjawab reformasi undang-undang memang kena tengok situasi semasa dan ini perlu kepada kajian yang amat terperinci," jelasnya.

Langkah berkenaan tegasnya, bukan sahaja dipikul Jabatan Peguam Negara, malahan badan kehakiman dan fakulti undang-undang di universiti tempatan juga wajar dilibatkan.

Sementara itu, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, mengesahkan ada memanggil ketua setiausaha setiap kementerian bagi menilai balik akta yang tidak sesuai.

Mengenai bagaimana untuk mencapai potensi penuh ASEAN yang menyaksikan Malaysia sebagai pengerusi perkumpulan serantau berkenaan tahun ini, Anwar berkata, semua pemimpin anggota mesti terus merangka dasar yang betul terutamanya mengenai kemajuan pesat teknologi baharu.

"Kerjasama itu bermaksud semua perlu merendah diri

## Tubuh suruhanjaya khas nilai undang-undang lapuk

Oleh FATIM HORIZATI MAT ISA

**PETALING JAYA:** Satu suruhanjaya khas perlu diwujudkan untuk menilai isi-isi yang boleh timbul dalam usaha menilai semula undang-undang lapuk di negara ini.

Malah, kerajaan boleh mumpukannya untuk membolehkan semakan dan penilaian undang-undang dijalankan secara berterusan.

Peguan dan penerbit undang-undang, Nazari Basir Ahmad Hassan Basiri berkata, proses penilaian semula undang-undang lapuk tidak mungkin dapat dilaksanakan dalam satu peringkat penadbiran kerajaan, sebaliknya perlu dilakukan secara berterusan.

**"Ini bagi memastikan undang-undang yang masih berkuat kuasa relevan dan berkesan dengan keadaan semasa."**

— Nazari Basir Ahmad Hassan Basiri

berkesan dengan keadaan semasa," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan kerajaan bersedia melakukan penilaian semula ke

fungsi sebagai pengawal selia dan platform untuk mendaftarkan semua bagi memastikan masyarakat dilibatkan dan undang-undang yang diperkenalkan atau dipinda seiring dengan keperluan dan keadaan aktual," jelasnya.

Mengenai undang-undang yang perlu ditamatkan, beliau berkata, Akta Surai Suasa Wakil 1949, Akta Wasiat 1959, Akta Undang-Undang Amanah 1949 dan Akta Orang Kurang Upaya 2002 adalah antara yang perlu semakan semula.

"Akta Orang Kurang Upaya 2008 perlu disemak untuk memberikan perlindungan yang lebih baik kepada golongan ini dalam pelbagai aspek," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, undang-undang yang perlu dipinda agar urusan pemakluman dan dokumentasi boleh dilakukan secara dalam talian.

"Terdapat undang-undang yang perlu diwujudkan kerana penggunaan istilah atau perkataan yang sudah tidak sesuai dengan konteks semasa," lanjutnya.

Muhammad Faizi turut menyokong penyediaan perantaraan penyelesaian kepada ahli-ahli untuk menyenaraikan semula undang-undang yang tidak relevan.

"Sejak kemerdekaan pada 1957, sebanyak 885 akta telah diluluskan oleh Parlimen, dengan fokus utama pada akta-akta Parli-

**UTUSAN Malaysia**  
15 Ogos 2024



**Sebahagian besar undang-undang lapuk itu digubal sebelum era kemerdekaan pada 1940-an yang ada langsung tidak lagi boleh dipakai."**

untuk mengakui bahawa ini adalah teknologi baharu yang mencabar. Kita tidak mempunyai semua jawapan, oleh itu kerjasama mesti bermula dengan semua pihak terlibat daripada pemain, syarikat-syarikat besar dan juga negara.

"Sekarang tugasnya bukan untuk muncul dengan jawapan, sebaliknya untuk mendapatkan semua *input* yang diperlukan mengenai apa yang perlu dilakukan. Sudah pastinya ekosistem yang perlu ada termasuk

lapangan terbang, pelabuhan, infrastruktur, pusat kecemerlangan, penyelidikan dan kerjasama dengan universiti," katanya.

Beliau berkata, selain kerjasama dalam kalangan pemimpin ASEAN, penting juga untuk melibatkan sektor swasta kerana teknologi adalah bidang yang memerlukan kerajaan untuk mengakui batasan mereka dan menerima pendekatan kolaboratif jika mereka ingin berjaya.

Anwar yang kini mengetuai delegasi Malaysia dalam lawatan kerja tiga hari untuk menghadiri Sidang Kemuncak Tahunan WEF 2025, di Davos, merupakan penyertaan pertamanya dalam WEF sejak memegang jawatan Perdana Menteri pada 2022.

Bertemakan *Collaboration for the Intelligent Age*, sidang kemuncak peringkat tinggi yang bermula kelmarin sehingga 24 Januari ini, akan membincangkan pelbagai perkara antaranya berkaitan peranan dan sumbangan teknologi baru muncul serta inovasi terkini dalam menangani isu ekonomi global.